

SOALAN NO: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB PUAN TEO NIE CHING

TARIKH: 9 JUN 2015

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil terhadap pemilik saham, pengarah dan pengurus Bernama TV tersebut kerana gagal membayar gaji kepada pekerja mengikut jadual masa.

PR-1332-L68351

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah menjalankan siasatan ke atas perkara ini dan didapati aduan lewat membayar gaji adalah berbasas. Pihak Kementerian juga telah mengarahkan supaya majikan ini Bernama TV Synergy Sdn. Bhd. mengambil tindakan segera untuk membayar gaji kepada semua pekerja yang terlibat dan telah dipatuhi oleh pihak majikan dengan bantuan kewangan dari pihak lain.

2. Semua pekerja Bernama TV Synergy Sdn. Bhd. telah meletakkan jawatan pada 14 April 2015 dan mereka ini telah ditawarkan kerja secara kontrak selama 6 bulan dengan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dengan tawaran gaji yang sama seperti mana di syarikat asal.
3. Pihak Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia sedang mengumpulkan maklumat bagi tujuan untuk membuka kertas siasatan ke atas majikan tersebut mengenai kesalahan lewat membayar gaji kepada pekerja mereka.